

# Badan pengawas tempatan berat sebelah

BH 10 JUL 1990

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan mengambil keputusan mengundang pemerhati asing untuk mengawasi proses pilihanraya umum negara ini kerana tidak mahu badan pengawas tempatan yang condong kepada parti pembangkang, membuat penilaian yang boleh mengelirukan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan bahawa setakat ini pun, banyak pihak mempersoalkan kewibawaan pengawas dalam negeri yang melantik diri mereka sendiri untuk mengawasi pilihanraya umum akan datang.

Oleh itu, katanya, adalah lebih baik pemerhati asing dijemput untuk tugas itu kerana ia tidak memihak kepada mana-mana parti dan tidak akan menjejaskan kerajaan ataupun pembangkang.

"Pemerhati pilihanraya dalam negeri mengangkat diri mereka sendiri dan tidak ada siapa pun mencadangkan mereka. Walaupun mereka mempunyai latar belakang tertentu, tetapi apa hak mereka? Kenapa mereka? Kenapa tidak orang lain?"

"Sedangkan kita tahu bahawa mereka semuanya adalah orang yang tidak pernah kata sepatah pun perkara yang baik mengenai kerajaan dan memang menjadi penyokong parti lawan pula.

"Jadi, bolehkah orang yang ternyata berat sebelah ini menjadi pemerhati atau hakim?" katanya dalam rancangan *Isu Semasa* di RTM malam ini.

Menjawab soalan sama ada kerajaan sedia menerima badan bebas yang dipilih oleh rakyat, Perdana Menteri berkata, ia juga sukar diterima kerana pelbagai tuduhan akan dibuat mengenai kepentingan orang yang menganggotainya.

Beliau berkata, pemerhati asing tidak ada kepentingan dalam pilihanraya itu dan ia bukanlah perkara baru.

"Kalau kerajaan menang pun, mereka tidak jadi apa. Begitu juga kalau kerajaan kalah. Jadi, lebih baiklah kita bawa pemerhati asing.

"Soal pemerhati asing ini bukan perkara baru. Kita pernah ada Suruhanjaya Cobbold suatu masa dahulu. Bagi membentuk Perlembagaan Malaysia juga, kita bawa orang dari negara lain," katanya.